

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7191

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kadar jenayah terkini di seluruh negara termasuk gejala sosial seperti buang bayi ,rogol, zina dan sebagainya serta langkah-langkah pencegahannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kes pembuangan bayi mendapat perhatian di media massa dan sering dibincangkan dalam pelbagai forum dalam negara ini. Pembuangan bayi sering dikaitkan dengan perlakuan sumbang seseorang dan sebagai jalan pintas untuk menutup malu dan perlakuan sumbangnya dari diketahui masyarakat setempat, mereka yang terlibat mengambil langkah untuk membuang bayi berkenaan. Siasatan yang dijalankan oleh pihak polis adalah mengikut Seksyen 302, Seksyen 309 (A), Seksyen 312, Seksyen 313, Seksyen 314, Seksyen 315, Seksyen 316 dan Seksyen 318 Kanun Keseksaan. Kesalahan sedemikian disiasat di bawah seksyen-seksyen berkenaan kerana ianya melibatkan kesalahan terhadap nyawa seseorang.

Sebelum kes pembuangan bayi dibuka, pegawai penyiasat akan membuat penelitian terlebih dahulu untuk mengenalpasti punca kematian bayi tersebut untuk menentukan kes diklasifikasikan di bawah mana-mana seksyen yang berkenaan. Sekiranya bayi yang dibuang masih hidup dan disebabkan perbuatan membuang bayi mengakibatkan bayi itu meninggal dunia maka kes akan disiasat di bawah Sek 302 KK atau 304 KK. Walau bagaimanapun sekiranya bayi itu didapati meninggal dunia semasa dilahirkan dan kemudian dibuang, maka kes akan disiasat di bawah seksyen yang lain. Klasifikasi kes banyak bergantung kepada keputusan post-mortem

untuk menentukan sama ada bayi dibuang itu meninggal selepas dibuang atau meninggal sebelum dibuang.

Statistik kes pembuangan bayi bagi tahun 2014 (Januari – Julai) adalah seperti berikut:

| KONTINJEN | 2014 JAN - JULAI |
|--------------------|-----------------------------|
| PERLIS | 1 |
| KEDAH | 1 |
| P/PINANG | 3 |
| PERAK | 2 |
| SELANGOR | 11 |
| K/LUMPUR | 4 |
| N/SEMBILAN | 3 |
| MELAKA | 3 |
| JOHOR | 0 |
| PAHANG | 3 |
| TERENGGANU | 2 |
| KELANTAN | 3 |
| SABAH | 7 |
| SARAWAK | 3 |
| J U M L A H | 46 |

Pihak PDRM memandang serius kes-kes rogol kerana majoriti mangsa yang terlibat adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak yang masih mentah dan lemah. Kebanyakan mereka tidak memahami kesan dan kejadian dan kurang pengetahuan tentang hak

keselamatan diri. Akibat dari jenayah ini bukan sahaja memberi kesan kepada fizikal tapi ianya turut memberi kesan psikologi jangka panjang kepada mangsa yang terlibat.

Statistik kes rogol bagi tahun 2014 (Januari – Julai) adalah seperti berikut:

| KONTINJEN | 2014 (Jan – Jul) |
|------------------|-----------------------------|
| PERLIS | 15 |
| KEDAH | 140 |
| PULAU PINANG | 47 |
| PERAK | 75 |
| SELANGOR | 196 |
| KUALA LUMPUR | 87 |
| NEGERI SEMBILAN | 80 |
| MELAKA | 41 |
| JOHOR | 177 |
| PAHANG | 85 |
| TERENGGANU | 62 |
| KELANTAN | 117 |
| SABAH | 126 |
| SARAWAK | 77 |
| JUMLAH | 1,325 |

PDRM berpandangan pendekatan yang lebih pragmatik dan serius perlu segera diambil dalam menangani isu pembuangan bayi dan rogol ini. Ianya tidak boleh hanya dilihat dari sudut pandangan gejala sosial dan seksual semata-mata. Pendekatan tersebut

mestilah holistik dan menjurus kepada penyelesaian akar umbi masalah. Antara pendekatan yang dijalankan ialah:

1. Menyampaikan ceramah-ceramah di sekolah-sekolah / Institut Pengajian Tinggi dan Persatuan-Persatuan mengenai undang-undang dan hukuman bagi kesalahan membuang bayi selain memberi kesedaran diri mengenai pergaulan sosial yang bebas yang boleh menyebabkan kepada remaja perempuan mengandung di luar nikah.
2. Mengekang sebarang aktiviti dan kegiatan yang membuka peluang luas kepada berlakunya perzinaan seperti hiburan tanpa batas dan gaya hidup hedonistik yang menggalakkan penagihan dadah, alkohol dan seks bebas.
3. Melancarkan pelbagai kempen/program bersama agensi dan jabatan yang lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta NGO untuk pembangunan masyarakat, keluarga dan remaja.
4. Bersama-sama agensi Kerajaan yang lain untuk memastikan penapisan filem / media massa / iklan dilaksanakan dengan sempurna dan sesuai untuk tontonan masyarakat umum
5. Memperkasakan undang-undang yang sedia ada terhadap pasangan yang terlibat (bukan hanya terhadap wanita sahaja).